

Pasar Besar TTDI tak diroboh

Keputusan dicapai hasil perbincangan DBKL, persatuan penjaja

Oleh Fakhruddin Usuldin
bhnews@bharian.com.my

● FAKHRURRAZI USULDIN | BERITA HARIAN

PUTRAJAYA: Pasar Besar Taman Tun Dr Ismail (TTDI) di Kuala Lumpur tidak akan dirobohkan dalam tempoh terdekat ini, kata Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Zainal Abidin.

Beliau berkata, keputusan itu dicapai selepas kementerian, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Persatuan Penjaja Taman Tun Dr Ismail (TTDI) dan Persatuan Penduduk TTDI mengadakan perbincangan dan mencapai kata sepakat untuk tidak merobohkan pasar berkenaan, semalam.

Katanya, tidak ada tempoh tertentu diputuskan berhubung tindakan merobohkan pasar itu bagi memberi laluan kepada projek monorel (MRT) di situ.

"Proses bagi projek itu (MRT) masih peringkat awal dan ia mengambil masa, jadi perkara ini akan diperhalusi," katanya pada pertemuan dengan DBKL, PPTTDI dan Persatuan Penduduk TTDI di Menara Seri Wilayah, Presint 2, di sini, semalam.

Hadir sama, Datuk Bandar Kuala



AHMAD Fuad (kiri) bersalam dengan Lo sambil diperhati Raja Nong Chik (dua dari kanan) selepas pertemuan antara wakil penjaja dan penduduk TTDI di Menara Seri Wilayah, Putrajaya.

Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail; Pengerusi Persatuan Penjaja TTDI, Jenny Lo dan Pengerusi Persatuan Penduduk TTDI, Mohd Hatim Abdullah.

Semalam, akhbar ini melaporkan DBKL akan merobohkan Pasar Besar TTDI di situ untuk memberi laluan kepada projek pembangunan tetapi penduduk serta penjaja pasar itu membantah.

Nong Chik berkata, status pasar itu sama ada dikekalkan atau dipindahkan, akan dibincangkan dengan semua pihak berkaitan sehingga mencapai kata sepakat yang memberi kebaikan kepada semua.

"Lot peniaga di situ tetap kekal jika projek MRT dan pasar baru itu dibangunkan, tetapi perkara ini akan diperhalusi dan belum muktamad (sehingga ini)," katanya.

Katanya, kementerian dan DBKL akan membuat perbincangan lanjut selepas ini dengan semua pihak bagi membuat keputusan yang terbaik.

Beliau berkata, jika pasar lama itu perlu dipindahkan juga pada masa depan, DBKL akan menyediakan tapak sementara bersebelahan pusat beli-belah Jusco Damansara.